

TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL [PP 22/2008]

Tambang Mengunjungi Wilayah Asal disediakan kepada pegawai yang bertukar wilayah sebagai suatu kemudahan untuk membolehkan pegawai dan ahli keluarganya mengunjungi wilayah asal.

“wilayah asal” bermaksud:

- i. wilayah kelahiran ibu bapa pegawai sekiranya ibu dan bapa pegawai lahir di wilayah yang sama;
- ii. sekiranya ibu bapa pegawai dilahirkan di wilayah yang berbeza, pegawai boleh memilih sama ada wilayah kelahiran ibu atau wilayah kelahiran bapa sebagai wilayah asalnya;
- iii. bagi pegawai yang ibu bapanya memperolehi taraf penduduk tetap atau warganegara Malaysia, wilayah asal mereka adalah merujuk kepada wilayah tempat tinggal ibu bapa pegawai berkenaan ketika mereka memperolehi Kad Pengenalan Bertaraf Penduduk Tetap atau Sijil Warganegara Malaysia; dan
- iv. sekiranya terdapat kes-kes lain selain yang dijelaskan di perenggan (i), (ii) dan (iii) di atas, pegawai bolehlah merujuk kepada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipertimbangkan.

Kemudahan ini diberi sekali dalam tempoh satu tahun perkhidmatan pegawai di wilayah penempatan. Kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal yang tidak digunakan dalam tempoh tersebut akan luput dan tidak boleh dibawa ke tahun hadapan. Walau bagaimanapun, pegawai hendaklah berkhidmat selama 6 bulan terlebih dahulu di wilayah penempatan bagi membolehkan pegawai

menggunakan kemudahan ini pada kali pertama. Kemudahan ini juga boleh digunakan untuk membawa isteri atau suami atau anak-anak yang tidak mengikut pegawai bertukar wilayah bagi tujuan melawat pegawai.

Pegawai yang sedang dalam tempoh cuti belajar tidak layak menggunakan kemudahan ini.